

## Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu

(Colonial Intellectual Hegemony in Malay Novel)

AZHAR HJ. WAHID

### ABSTRAK

Makalah ini meninjau penguasaan intelektual kolonial ke atas pemikiran Melayu pada era pra-Kemerdekaan berasaskan beberapa buah novel yang ditulis oleh A.Samad Ismail, iaitu *Timbok Tidak Tinggi*, *Patah Sayang Terbang Jua dan Kail Panjang Sejengkal*. Menerusi novel-novel ini dapat dinukili bahawa pihak yang boleh dianggap golongan intelektual watan pada zaman penjajah sebahagian besarnya terdiri daripada para wartawan. Golongan ini memain peranan cukup dalam usaha menimbulkan kesedaran dan membangunkan intelektual dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Mereka juga membina kesedaran nasionalisme dan gerakan ke arah Kemerdekaan tanah air melalui propaganda akhbar sejak zaman pendudukan Jepun hingga era-pascamerdeka.

Kata Kunci: Intelektualisme, kolonialisme, hegemoni, subaltern dan nasionalisme

### ABSTRACT

This paper reviews intellectual hegemony on the Malay mind in pre-independent era through some novels written by A.Samad Ismail, namely *Timbok Tidak Tinggi*, *Patah Sayang Terbang Jua* and *Kail Panjang Sejengkal*. Through these novels we could quote that those who were considered as public intelligentsia in colonial era were mostly journalists. This group had played significant role in intellectual enlightening and propagation among various strata of the society. They also created nationalism consciousness and movements toward independence through press propaganda since Japanese occupation until post-independence era.

Key Words: Intellectualism, colonialism, hegemony, subaltern and nationalism.

### Pengenalan

Istilah ‘kolonialisme’ membawa makna yang berbeza mengikut masa dan keadaan ia digunakan. Pada umumnya, kolonialisme mempunyai dua pengertian. Pertama, proses sesuatu kuasa mendapatkan kawasan petempatan baru melalui kaedah penaklukan dan penghijrahan. Kaedah penaklukan bererti perluasan kawasan melalui tindakan ketenteraan. Kedua, kaedah penghijrahan, bererti perpindahan rakyat sesuatu kuasa atau negara ke kawasan yang belum diterokai atau didiami

oleh orang lain. Contohnya, penghijrahan British mendiami (penjajahan) Tanah Melayu. Oleh sebab para penghijrah ini mengekalkan hubungan dan menerima kuasa pemerintahan British maka kawasan itu merupakan sebahagian daripada tanah jajahan British. Bagi pengertian kedua, kolonialisme merujuk dasar melalui kegiatan imperialisme. Pengertian inilah lebih diterima pada hari ini. Apabila disebut kolonialisme maka terjelmalah kefahaman kepada masalah penindasan, penghinaan atau eksplorasi yang dilakukan oleh kuasa-kuasa imperialis Barat dan Asia terhadap penduduk peribumi seperti mana yang berlaku terhadap Tanah Melayu oleh kuasa penjajahan Inggeris, Belanda dan Portugis (Wan Abdul Rahman Latif, 2001: 289).

Menurut Gramsci (1971), setiap kelompok sosial yang hadir di atas wilayah mempunyai fungsi dalam dunia pengeluaran ekonomi yang mencipta sendiri secara organik dengan satu strata atau lebih dari kaum intelektual yang memberinya kesedaran yang bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang sosial dan politik. Dalam hal ini pada pandangan Gramsci, kapitalis telah mencipta teknik industri di sekelilingnya terutama dalam politik, ekonomi, organisasi kebudayaan, sistem perundungan dan sebagainya. Malah, kaum kapitalis ini sendiri akan mewakili sebuah tingkat yang lebih tinggi dari elaborasi sosial pada wilayah-wilayah yang paling hampir dengan pengeluaran ekonomi mereka. Di samping itu, kapitalis akan menguasai kelompok dan menjadi “organiser” dari kepercayaan para pelanggannya;

Every social group, coming into existence on the original terrain of an essential function in the world of economic production, creates together with itself, organically, one or more strata of intellectuals which give it homogeneity and an awareness of its own function not only in the economic but also in the social and political field’ ..... ‘He must be an organizer of masses of men; he must be an organizer of the “confidence” of investors in his business, of the customers for his product, etc. (Gramsci 1971: 5)

Pada zaman Renaissance, masyarakat Eropah bangkit daripada penindasan kuasa paderi dan memutuskan keupayaan manusia untuk menentukan hidup mereka berasaskan akal tanpa perlu campur tangan ketuhanan. Mereka menemui konsep “khalifah” manusia di muka bumi dan perlu menguasai alam untuk kebahagiaan manusia sendiri. Penemuan terhadap keupayaan akal untuk menemukan kebenaran serta mempertimbangkan keputusan yang wajar bagi kebaikan manusia adalah sebenarnya telah wujud pada zaman Yunani lagi. Justeru itu, di Asia Tenggara (kecuali Thailand) penjajahan telah memberikan kesan terhadap ekonomi, politik dan sosial yang hingga kini telah mengubah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan masyarakat. Ini bermakna daripada asas undang-undang yang dibina, sistem ekonomi yang diamalkan, amalan politik pemerintahan, nilai-nilai hidup yang dipegang banyak dipengaruhi kesan kolonialisme.

Di samping itu, ramai kelompok masyarakat yang masih lagi terpesona dan terbelenggu dengan melakukan mimikri, iaitu mencontohi sesuatu yang belum tentu bermanfaat apabila yang direformasikan menjadi misi peradaban tergugat dengan memberikan tempat yang salah dalam sesuatu perkara. Diakui

bahawa terdapat bahayanya mimikri kerana mempunyai sifat misi dua muka, atau dua visi yang memperlihatkan sikap *ambivalent* kolonialisme, pada masa yang sama pula mematahkan autoriti itu sendiri. Ia juga dianggap sebagai berganda visi kerana pada akhir keputusannya, akan dapat ditemui ia tidak lebih sebagai perwakilan atau objek kolonialisme (Bhabha, 1994: 88). Dengan kata lain mimikri bukan sahaja diperkenalkan sebagai bentuk penentangan terhadap peribumi, juga sebagai satu bentuk proses kolonial membentuk kelas yang menjadi ‘pentafsir’ dalam kalangan kolonial dan kepada jutaan manusia yang ditadbir negara kolonial yang mempunyai cita rasa kolonialisme, dalam pandangan-pandangan mereka, moral dan juga intelektualisme mereka. Hal ini dilakukan apabila berlakunya dasar kolonial, yang kemudian terikut-ikut oleh peribumi apabila mereka merdeka (Awang Azman Awang Pawi, 2006: 5).

### Persoalan Intelektualisme Kolonialisme

Demikian juga dalam usaha Inggeris meneruskan penjajahan ke atas Tanah Melayu, ia bertindak bijak dengan melaksanakan dasar perlindungan. Sebagaimana Portugis dan Belanda di Melaka, Inggeris juga mengamalkan dasar memeras dan memonopoli perdagangan di Tanah Melayu. Ini mengakibatkan orang Melayu mundur dan ketinggalan dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Dalam bidang pendidikan, Inggeris menjalankan dasar yang bertujuan mengekalkan orang Melayu dengan pekerjaan tradisi mereka iaitu menjadi petani dan nelayan, dan membekalkan pekerja kolar putih dalam perkhidmatan awam sebagai pegawai rendah dan menengah serta sektor perniagaan. Untuk tujuan dan keperluan itu Inggeris tidak menyediakan kemudahan pendidikan kepada orang Melayu.

A.Samad Ismail (1994) merungkai persoalan intelektualisme kolonialisme ini dalam novelnya *Tembok Tidak Tinggi*. Watak Hashim dan Wahab merupakan wartawan yang memperjuangkan kemerdekaan dengan menggunakan akhbar secara propaganda. Mereka sanggup menghadapi apa juga penentangan penjajah, malah Wahab dipenjarakan oleh pihak British disebabkan kegiatan beliau menyedarkan masyarakat menentang penjajahan;

“Kalaupun kau pegawai polis atau informer atau mata-mata gelap, mungkin mereka mudah menyiapkan dan merumuskan satu tuduhan terhadap kau. Tapi kau pengarang, kau menulis. Banyak wartawan lain bekerja seperti kau dalam masa Jepun. Tak ada wartawan lain yang kena tahan bersama kau?”

Wahab menggeleng. “Tak ada,” katanya tegas.

“Aku sudah menduga begitu. Mereka boleh menuduh kau menghasut rakyat untuk membenci kerajaan. Tapi orang lain juga menghasut rakyat dalam masa Jepun untuk membenci British,” kata Lim. (A.Samad Ismail 1994: 109)

Namun demikian, ada di antara intelektual pemimpin Melayu dari semua peringkat tergugat dan ada yang disogok dengan fahaman “perlindungan penuh insaf” sehingga sebahagian daripada mereka hilang kepercayaan kepada diri sendiri dan enggan merdeka selagi Melayu belum benar-benar berdikari hasil tunjuk ajar penjajah Inggeris. Rakyat jelata pula disogok-asuhkan dengan nilai-

nilai impian indah golongan istana dan dididik supaya secara membuta-tuli kepada mereka. Dalam pada itu pihak penjajah Inggeris menghentam golongan istana dan menyebabkan sikap patuh rakyat kepada pemerintah akan berpindah daripada raja-raja kepada Inggeris.

Selepas perang dunia kedua, zaman penjajahan secara beransur-unsur berakhir. Tanah-tanah jajahan mula mencapai kemerdekaan: ada yang terpaksa dimerdekakan kesan dari tuntutan keras rakyat tempatan dan ada yang dimerdekakan secara rundingan. Kerajaan kolonial terutamanya Britain, Perancis, Belanda, Sepanyol dan Amerika Syarikat mengetahui bahawa lambat laun tanah jajahan ini tetap akan dimerdekakan. Mereka dengan itu bertindak mengembalikan kuasa pemerintahan kepada rakyat tempatan. Tanah Melayu dan beberapa negara jiran terdekat tidak terkecuali dari perkembangan ini. Dalam *Patah Sayap Terbang Jua*, digambarkan perjuangan Mas Parjo bersama rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda untuk kemerdekaan Indonesia. Begitu juga perjuangan Subhas Chandra Bose untuk kemerdekaan India:

Kami sekarang sedang berjuang untuk kemerdekaan tanah air kami. Pemimpin besar kami Subhas Chandra Bose, sedang memimpin bala tentera nasional kami di perbatasan India. Untuk merdeka, kami sanggup berkorban. Wanita-wanita kami bergabung dalam barisan Rani of Jhansi. Sayang sekali tuan tidak dapat menghargai keperwiraan bangsa kami malah masih mencemuhkan bangsa kami lagi.(A.Samad Ismail 1993: 147)

Kolonialisme atau penjajahan ialah natijah langsung daripada kebangkitan Renaissance di Eropah yang mendorong orang Eropah keluar negara untuk membawa tamadun kepada bangsa asing (Roff, 2005: 20). Bermula dengan pertembungan dengan Islam dalam Perang Salib yang membingungkan mereka tentang kehadiran tamadun besar pada zaman jahiliah (*dark age*) mereka hingga kepada penemuan Dunia baru oleh Columbus yang disangka India, maka berlakulah kembara, perdagangan, penaklukan, dan kekejaman terhadap bangsa asing di Amerika Syarikat. Pelayaran semakin meluas didorong oleh dakwah agama, perdagangan, dan kemudian penjajahan. Dari situ terbentuk pelbagai konsepsi dan teori untuk membenarkan perlakuan dari sudut akal, falsafah, agama dan perdagangan.

Selepas merdeka daripada cengkaman kolonialisme, orang Melayu terpaksa membina semula sejarah, budaya, bahasa dan kesusasteraan dengan segala kekurangan dan kongkongan psikologi, masalah semasa, dan hambatan yang ditinggalkan oleh penjajah. Justeru itu, Gramsci (1971) pernah menyatakan bahawa para intelektual organik merupakan penyebar kepada penyuburan hegemoni. Dalam hal ini, golongan seperti akademik, wartawan cuba menterjemahkan isu-isu kompleks dalam bentuk bahasa harian, malah memberikan ataupun mengabsahkan bentuk tindakan yang akan dibuat. Terdapat juga pengaruh terhadap dominasi dalam masyarakat ini termasuklah dari pihak industri, kelas menengah dan elit. Kelompok ini bersama-sama mengukuhkan ideologi hegemoni yang dimasukkan unsur nasional dan kebiasaan berfikir untuk menarik minat dan mempengaruhi kelas masyarakat (Gramsci: 1971, Philip Smith, 2001).

Dalam novel-novel A.Samad Ismail (1993), *Tembok Tidak Tinggi*, *Patah Sayap Terbang Jua* dan *Menimba Yang Jernih*, kelompok ini amat jelas dikuasai oleh para wartawan yang menggunakan akhbar untuk menanamkan semangat nasional atau nasionalisme rakyat menentang penjajahan. ASamad Ismail bukan sekadar menyingkap dan menghuraikan detik sejarah kewartawanan tetapi dengan tajam mentafsir denyut nadi dunianya saling teranyam dan kait-mengait dengan degup jantung masyarakat serta warna-warni politik, ekonomi, dan budaya yang mencerminkan watak nasional menentang kuasa penjajahan.

Edward Said (1979) mengulas tajam tentang helah penjajah memperkecilkan bangsa jajahan dengan membuat pemerian amat serong serta meliputinya dalam kerangka konsep penjajahan itu. Melalui bahasa jajahan, terutama Inggeris dan Perancis telah berlaku suatu perlukisan yang amat buruk tentang manusia peribumi sebagai alasan terlindung untuk mewajarkan mereka dijajah. Sesuai dengan keperluan ekonomi dan ketenteraan penjajah, maka wilayah asing itu dinamakan semula, seperti “Malaya” untuk “Tanah Melayu”, “India”, “Hindia Timur”, dan “Amerika Syarikat” sebagai petanda penguasaan mereka. Akibatnya ialah penyingkiran manusia peribumi dari bumi sendiri sehingga bahasa dan budaya mereka tersingkir dan tersungkur dalam wacana kolonial itu. Bagi beberapa buah negara, seperti New Zealand dan Kepulauan Pasifik, mereka dilarang sama sekali menggunakan bahasa sendiri yang dipandang amat rendah dan “primitif” (Zainal Kling, 2005: 14). Penindasan atau eksplorasi merupakan gejala paling buruk dalam imperialisme dan ia dilaksanakan oleh intelektualisme kolonial melalui penjajahan yang tidak memberi persamaan hak atau taraf bangsa-bangsa. Keburukan imperialisme itu telah menyebabkan timbul penentangan untuk menghapuskannya daripada rakyat peribumi. Gerakan antimerperialisme ini dikenali sebagai gerakan kebangsaan atau nasionalisme.

### Hegemoni Intelektualisme Kolonialisme

Peranan golongan intelektual dianggap sebagai pembantu kepada kelompok dominan bagi melakukan hegemoni. Gramsci (1971) menganggap mempunyai fungsi-fungsi *subaltern* dalam konteks hegemoni sosial dan pemerintahan. Dalam *Tembok Tidak Tinggi* dan *Patah Sayap Terbang Jua*, dasar yang dilakukan oleh penjajah mempunyai fungsi kerangka yang dikemukakan oleh Gramsci iaitu persetujuan spontan yang diberikan oleh masa persetujuan ini secara persejarian; kerana *pretij* dalam dunia produksi. Dalam hal ini, masyarakat yang dominan tidak dapat melakukan apa-apa kerana mereka telah dibelenggu oleh sejarah, tertakluk kepada suasana yang dibina pada masa lampau yang sukar digugat. Penduduk tempatan lebih banyak menerima apa sahaja daripada mempersoalkan akan sesuatu yang dikeluarkan oleh penjajah. Dalam *Patah Sayap Terbang Jua* menggambarkan;

Di luar, askar-askar Jepun masih berkeliaran lagi. Beberapa oran Cina berjongkok di hadapan dewan itu. Tangan mereka terikat dengan tali ke belakang. Seorang Jepun mengawal mereka.

Seorang pegawai tentera Jepun sedang memukul kepala seorang Cina tua dengan sarung pedangnya. Orang Cina itu tiada mengerang, tidak melawan,melainkan diam sahaja. Suara pegawai Jepun itu sedang berteriak garang.

Darah berlumuran daripada kepala orang tua Cina itu. Sebentar lagi badan yang kurus itu tertiarap ke tanah.

Di luar taman, beberapa orang askar Jepun masih berkawal di penjuru-penjuru jalan. Tetapi tidak seperti di dalam dewan, jalan raya ramai seperti biasa. Kedai kopi ramai dengan manusia. Hidup berjalan seperti “biasa seolah-olah kejadian dalam taman tadi berlaku dalam dunia yang berasing, terpisah” (A.Samad Ismail 1993 : 222)

Penentang dalam novel A.Samad Ismail, terutamanya *Tembok Tidak Tinggi* dan *Patah Sayap Terbang Jua* ialah tergolong daripada manusia subaltern yang diistilahkan oleh Gramsci manusia yang terpinggir. Keterpinggiran itu berlaku disebabkan oleh sistem dalam masyarakat itu sendiri. Mereka yang dipinggirkan selalu menjadi subjek atau alat aktiviti kelompok pemerintah. Subaltern memainkan peranan penting untuk mengatur, menyusun dan mempersoalkan kebenaran yang diragui. Persoalan ini bukan sahaja bersifat mendekonstruksikan naratif malah berfungsi untuk merekonstruksi nilai-nilai yang terpapar oleh naratif besar atau suara-suara besar yang menutup suara-suara kecil yang sekian lama dibenamkan dalam lipatan sejarah.

Golongan wartawan yang diketuai oleh Wahab, Hashim, Pak Kadir, Pak Mustapha, Pak Dollah, Nahar, Zahir, Bakhtiar, dan lain-lainnya dalam *Patah Sayap Terbang Jua* merupakan para wartawan yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui propaganda akhbar ketika pemerintahan Jepun:

Saya fikir, corak suratkhabar mesti didulukan, bung. Emak saya sendiri kata suratkhabar kita propaganda Jepun. Soal Pak Kadir tu mudah saja. Soal Jalal dan Pak Musa pun tak besar. Terus terang, bung, saya dah malas kerja. Bukan malas kerana gaji tak cukup atau kerana dah bosan jadi wartawan, tapi bosan kerana tak ada apa-apa yang mesti saya buat, yang mesti saya fikirkan. Tiap hari datang ofis, baca berita-berita Domei, terjemahkan, masukkan dalam suratkhabar, baca karangan orang, betulkan karangan orang, taipkan baik-baik, hantar ke Krishnan, baca pruf. Saya sudah bosan, bung. Penat-penat kita kerja, kemudian tiba-tiba emak sendiri mengata saya jadi alat Jepun. Bapa saya doa siang malam, supaya Jepun kalah. Kawan-kawan saya kata, suratkhabar kita propaganda semata-mata. (A.Samad Ismail 1993 : 256)

Suara-suara kecil dari golongan wartawan ini akhirnya dipenjarakan oleh kerangka penjajah atau kolonial pada zaman British, malah ilmu binaan kolonialisme juga diserapkan dalam neo-kolonialisme. Subaltern memberikan tempat dan kedudukan penting terhadap suara-suara kecil. Dengan kata lain, ilmu kolonial menurut Shamsul Amri Baharuddin bukan hanya digunakan sebagai lensa untuk pemerintah dan pegawai kerajaan kolonial memerhati dan memahami mereka yang dijajah, tetapi yang lebih utama, ilmu kolonial adalah cukup penting sebagai alat ideologikal untuk melentur pemikiran mereka yang

dijajah dalam suatu bentuk atau arah tertentu (Rahimah Abd.Aziz dan Mohamed Yusoff, 2000: 190). Ini bererti ilmu kolonial itu akhirnya dicerna, disisip-sulam dan diinstitusikan ke dalam sistem pendidikan kolonial untuk tujuan ideologikal berkenaan.

Dalam konteks naratif novel *Tembok Tidak Tinggi* dan *Patah Sayap Terbang Jua* ini, mempunyai kesejarahan ‘kerangka’ subaltern sebagaimana digagaskan oleh Gramsci yang menyatakan bahawa kelompok ini terjadi dalam perkembangan dan transformasi ekonomi, ideologi dan tujuan mereka untuk sementara waktu, asal-usul mereka dalam kelompok sosial pra-kemajuan dan sebagainya. Kesemua mempunyai ciri-ciri dalam permasalahan manusia berkuasa seperti penjajah atau kolonial dalam teks tersebut. Sebahagian besar kelompok masyarakat tempatan telah dihegemonikan. Apabila berlaku hegemoni, sebahagian besar manusia yang terlibat tidak menyedari dirinya tertindas atau dimanipulasikan. Sebaliknya mereka berasa bahagia tertindas. Ini kerana hegemoni ini berlaku dalam dua bentuk. Bentuk pertama ialah kekerasan dan bentuk kedua ialah secara lunak.

Hegemoni secara lunak boleh sahaja berlaku melalui sistem-sistem masyarakat yang dibina seperti pendidikan, kebudayaan, kesenian, institusi, penjara dan sebagainya. Inilah yang berlaku dan menimpa dalam masyarakat Melayu pada zaman Jepun dan penjajahan Inggeris yang menjadi latar terhadap novel *Tembok Tidak Tinggi* dan *Patah Sayap Terbang Jua*. Kebanyakan mereka dihegemonikan secara lebih lunak berbanding kekerasan, namun kedua-dua saling lengkap-melengkapi yang dialami oleh masyarakat Melayu menentang pejajahan kolonialisme. Dalam *Tembok Tidak Tinggi*, pengarang memaparkan tindakan Inggeris yang memenjarakan beberapa tokoh penting. Mereka sering berbincang sebab-sebab mereka ditahan. Kebanyakan banduan terdiri daripada nasionalis, bekas tentera kemerdekaan India (INA), bekas pegawai polis Jepun, bekas tentera Jepun dan sebagainya. Mereka bertemu dan membincangkan akan nasib mereka yang telah dipenjarakan oleh Inggeris. Dalam penjara para nasionalis Melayu masih membincangkan tentang perjuangan yang mereka laksanakan;

“Kau masih ingat Pak Leman lagi.” Yunus turut ketawa. “kami di Changi dulu bersama –sama dia. Mengaji dengan dia. Bukan mengaji baca kitab, mengaji politik, tentang revolusi Indonesia, revolusi Tiong-Kok, revolusi Mexico, revolusi Amerika.” .....

“Dan masa Jepun dia aktif terus. Marah betul dia dengan Shamsuddin kerana bekerja dengan Jepun. Aku pun dimarahinya. Buat apa kerja dengan Jepun? Mari balik kampung, ikut aku tanam sayur, katanya.” Dollah turut ketawa. Wahab teringatkan Pak Leman, seorang tua yang sudah beruban rambutnya, tetapi cergas, kuat, orang pelarian daripada pemberontakan Indonesia tahun dua puluhan, guru kepada Hashim dan Shamsuddin.

Pak Leman yang mendorongkan hashim untuk bergerak semula mengaturBarisan melawan Jepun di Singapura, yang mendorongkan mereka supaya mengumpulkan pemuda-pemuda untuk bersedia menghadapi perkembangan-perkembangan baru dalam perperangan.” (A.Samad Ismail 1994: 133)

Pada masa lalu mereka ingat akan sumpah yang dilafazkan selepas mengikuti kursus politik: “*Bahaha kami bersumpah akan berjuang untuk menegakkan satu bangsa dan satu bahasa di seluruh Nusantara Indonesia Raya*” (*Tembok Tidak Tinggi*, 1994: 114). Ini memperlihatkan betapa kentalnya jiwa pejuang-pejuang yang dipenjarakan oleh Inggeris sehingga mereka dibebaskan daripada penjara. Begitu juga dalam *Patah Sayap Terbang Jua*, para pejuang di kalangan wartawan seperti Wahab dan Hashim sentiasa menerima semangat perjuangan para pejuang Indonesia seperti Mas Parjo;

Bung mesti bersiap dari sekarang. Kalo tidak ada persiapan, gimana bisa berjuang. Bung mesti kumpulkan anak-anak muda yang bersemangat, yang sealiran cita-cita. Didik mereka dengan nasionalisme kita. Dengan cita-cita Indonesia raya. Dengan semangat anti-Jepang.

Kami pergunakan PETA seluas-luasnya. Kami saring, kami pilih orang yang harus memasuki barisan PETA. Bukan sebarang orang. Jepang tidak suka pada mulanya. Tetapi kami tuntut. Gimana mahu melawan Inggeris dan Amerika kalau parajurit-parajurit kami tidak dididik sebagai nasonalis, kata kami. Akhirnya Jepang mengalah juga. (A.Samad Ismail, 1993: 192)

Golongan elit Melayu dalam *Patah Sayap Terbang Jua* digambarkan menjadi pemimpin masyarakat, mereka bertugas di agensi kerajaan Jepun, misalnya Bung Shamsudin dan Bung Hashim. Mereka terpaksa berkerjasama dengan kerajaan Jepun menerbit suratkhabar *Warta Malai* secara propaganda Jepun untuk mempengaruhi orang Melayu supaya benci kepada Inggeris dan menerima kedatangan Jepun. Mereka sebenarnya berpura-pura bekerjasama dengan Jepun tetapi menyelitkan semangat nasionalisme dengan tujuan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia.

”Sulit sedikit di sini, Mas. Kami tidak menguasai suratkhabar sepenuhnya. Rencananya dari mula memang begitu. Kami menguasai suratkhabar. Maksudnya ialah untuk mendidik rakyat. Secara seluas-luasnya, secara berkesan. Tapi gagal.

”Buatlah yang semampunya. Kecil-kecilan dulu. Tak perlu besar-besaran. Asal ada persiapan. Mulakan dari sekarang. Jangan biarkan bung Shamsuddin kesunyian. Saya tahu dia sudah memulakan usahanya. Bagus begitu! Tapi saudara-saudara Bung Hashim mesti bantu. Saudara Wahab juga. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit, kata orang tua-tua” ”Mesti licin, saudara Wahab. Mesti pintar. Tapi kancil biasanya licin, bukan?”(A.Samad Ismail 1993: 192 )

Di samping itu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga beberapa individu daripada golongan elit yang mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri tanpa rasa ada rasa tanggungjawab semangat perjuangan menentang penjajah. Malah sebelum perang mereka menyokong Inggeris, setelah perang mereka menyokog Jepun dengan tujuan untuk mengekalkan *status quo* mereka. Secara senyap-senyap mereka menjalankan perniagaan pasar gelap, menjual barang-barang penting untuk mengekalkan kemewahan hidup mereka.

... orang seperti Rasyid banyak dalam sejarah Melayu. Ketika Portugis memerintah Melaka dulu, tentulah ada orang Melayu seperti Rasyid yang berlagak seperti orang Portugis. Ketika Belanda memerintah Indonesia,

banyak orang seperti Rasyid yang lebih Belanda daripada Belanda.

Dalam zaman British pun banyak orang seperti Rasyid yang berlagak lebih Inggeris daripada oang Inggeris. Sekarang dalam zaman Jepun, ada orang Melayu yang lebih jepun daripada Suyama” dan..... “Zainal menyangka Jepun dulu memberikan wang berjuta-juta ringgit kepada Shamsuddin dan aku untuk untuk menentang British. Sekarang dia menagih wang itu. Dia tak percaya kami tak punya wang. Si Jaafar apa yang dia buat sekarang? Berniaga seperti raja Tasrif. Raja tasrif bermiaga kertas opis kita, menggelapkan kertas suratkhabar opis kita. Jaafar menggelapkan beras boetai. Suatu hari nanti dia mungkin tertangkap. Ketika itu dia akan melolong meminta tolong teman-teman. Takkam ada orang seperti Jaafar mahu berjuang lagi.... (A.Samad Ismail 1993: 94 )

Ketika itu, golongan pemerintah atau yang berkuasa terdiri daripada ketua tentera Jepun. Para pegawainya terdiri daripada bangsa Jepun, golongan elit dan feudal Melayu. Mereka sentiasa mengambil kesempatan demi inginkan hidup mewah. Antara pegawai tinggi tentera Jepun di singapura ialah Kolonel Nakajima dan Suyama. Mereka bertugas sebagai penapis berita dalam akhbar *Warta Malai*. Hamid sebagai pegawai tinggi kastam yang diberi kepercayaan oleh Jepun. Manakala para wartawan yang menjalankan propaganda di akhbar *Warta Malai*, termasuklah Hashim, Wahab, Pak Kadir, dan sebagainya.

Dalam tempoh pendudukan Jepun dari 1942 hingga 1945, kegiatan pengarang dan penerbit terjejas kecuali yang berkaitan dengan propaganda yang mengagung-agungkan imej dan pemerintahan Jepun dengan slogan “Asia untuk Asia.” Saringan ketat dan kebimbangan dikenakan tindakan kejam telah mempersulit dan membantutkan kreativiti pengarang. Pelbagai faktor menyebabkan keadaan ini berlaku. Antaranya ialah kebimbangan terhadap tindak balas dan tindakan Jepun yang terkenal dengan kekejaman dan kezaliman. Penyaringan ketat menyebabkan kebanyakan pengarang kecewa. Mereka sedar bahawa penyaringan bermakna sebarang idea dan ideologi yang bertentangan dengan ideologi pemerintah pasti tidak diluluskan untuk penerbitan. Sesiapa yang berani mengingkari arahan dikenakan tindakan keras. Pemerintah Jepun langsung tidak membenarkan sesiapa mempertikaikan corak pentadbirannya, apatah lagi kelemahannya. Mereka yang mengkritik kelemahan dan kekejaman pemerintahannya mengundang risiko besar (Jeniri Amir, 2005: 45).

Kuasa hegemoni yang kuat, menyebabkan Jepun dapat menguasai tanah jajahannya dengan pelbagai kekejaman dan kezaliman terhadap rakyat peribumi. Walau bagaimanapun para novelis tidak bersetuju langkah yang diambil oleh Jepun. Mereka menentang secara memprotes dengan tidak mahu menghasilkan karya. Golongan pengarang yang berprinsip tidak mahu tunduk kepada arahan Jepun supaya menghasilkan novel mengikut Jepun. Menurut Ramli Isin (1988: 45)

Mereka tidak mahu dipaksa oleh unsur dari luar, iaitu pemerintah Jepun agar menghasilkan novel yang membawakan tema dan persoalan tentang kehebatan dan keagungan Jepun. Mereka tidak mahu daya kreativiti mereka dicemarkan oleh keangkuhan kerajaan jepun itu. Justeru, mereka mengambil sikap berdiam

diri dan tidak berkarya sama sekali.

Dari satu segi, dengan kata lain pendudukan Jepun memberi kesan langsung kepada kehidupan masyarakat di Tanah Melayu, termasuk pengarang. Tidak ada jalan untuk menentang secara terang-terangan dilakukan. Kalau adapun tidak akan ke mana-mana penentangan tersebut. Ia akan dipatahkan semasa secara kekerasan dan kezaliman daripada pemerintahan Jepun. Dalam keadaan kehidupan yang perit dan bergelora, pengarang tidak dapat menumpukan perhatian kepada kegiatan kreatif. Justeru, tidak terdapat langsung karya yang dihasilkan dalam tempoh berkenaan sehingga merencatkan pertumbuhan genre sastera terutamanya novel di Tanah Melayu. Hanya karya atau penulisan yang sealiran dengan propaganda dan perjuangan Jepun diterbitkan. Dalam keadaan tertekan itu terdapat juga pengarang, termasuklah A.Samad Ismail terus berjuang dengan mengesyorkan agar mereka bersatu menentang penjajahan.

Namun demikian, ketika penjajahan British di Tanah Melayu, intelektualisme penjajah yang diasuh oleh hegemoni Orientalisme bukan sekadar mentadbir segala kepentingam kolonial, bahkan mereka juga menjalankan penyelidikan, menulis laporan kepada pejabat Kolonial, dan berperanan menyusun satu strategi pembentukan minda baru bagi warga peribumi. Minda baru ini perlu dilahirkan supaya sesetengah warga peribumi dapat diberikan pendidikan barat (aliran Inggeris) dan dilatih supaya akhirnya dapat membantu pentadbiran penjajah, sesetengahnya dapat diberikan pendidikan atas aliran Melayu supaya boleh menjadi guru, dan sebahagian besarnya boleh diajar membaca, menulis, dan mengira supaya menjadi petani dan nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka.

Di samping itu, para pegawai penjajah yang berminda Orientalis ini memainkan peranan tambahan yang juga cukup penting kepada kepentingan penjajah, iaitu untuk menanamkan imej mulia para pegawai kolonial, kehebatan budaya barat, penggunaan bahasa Inggeris dan ketelusan “penaung Inggeris” untuk memajukan kehidupan peribumi. Ini digambarkan oleh A.Samad Ismail dalam *Menimba Yang Jernih*:

Kau seperti itu wartawan-wartawan Inggeris yang datang sehari, dua hari ke negeri aku, kemudian pulang ke London, cuba menghakimi nasib kami.  
Kau kira kau dapat bercakap lagi dengan kami dari puncak gunung. Kau cuba berkhutbah pada kami.

Ini tak betul, itu tidak betul. Sebenarnya kau iri hati bahawa kami tak hancur. Kau mahu melihat kehancuran di mana-mana untuk membuktikan kepada dunia kau sajalah yang sanggup memerintah.

.....kau menguasai kami dulu melalui bahasa. Sekarang juga kau masih menjajah kami dengan bahasa kau.(A.Samad Ismail 1995: 2)

Para pejuang bahasa seperti Sulaiman dan Zaman dalam *Menimba Yang Jernih*, telah memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui ceramah-ceramah yang diadakan. Tindakan itu telah menimbulkan tentangan daripada J.J.Graham, ketua jabatan tempat mereka bekerja di Pustaka Pendidikan dan Kebudayaan atau nama singkatannya PP & K yang merupakan sebuah

perusahaan asing, modalnya sebanyak RM2 juta dari modal besar Patterson & Bennet Publishers di England yang lebih mengutamakan penerbitan buku-buku bahasa Inggeris. Sepatutnya PP & K akan memberikan perhatian lebih besar kepada buku-buku novel dan juga buku-buku sekolah.

Pustaka Pendidikan dan Kebudayaan atau nama singkatannya PP & K memang dimaksudkan untuk berdagang semata-mata. Dan untuk berdagang, PP & K dimaksudkan bekerjasama dengan pemerintah dan rakyat Malaysia memperkembangkan bahasa kebangsaan.

Sekurang-kurangnya itulah imej yang cuba dikemukakan oleh Ma'arof kepada masyarakat. Bahawa PP & K sebuah perusahaan asing – modalnya sebanyak RM2 juta dari modal besar Patterson & Bennet Publishers, sebuah perusahaan penerbitan buku-buku sekolah yang terbesar di England – sepertutnya tidak menghalangi PP & K untuk berdagang seperti perusahaan-perusahaan penerbitan asing yang lain di Kuala Lumpur. (A.Samad Ismail 1995: 5)

J.J. Graham dihantar menjadi ketua menggantikan Dennis dan James yang telah bekerja ke Australia. J.J. Graham amat marah dengan tindakan Barisan Aksi Bahasa yang mengkritik semua pihak yang mengabaikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Malah beliau mengkritik Barisan Aksi Bahasa yang memperjuangkan isu bahasa dan menuduh Barisan Aksi Bahasa sebagai badan pelampau dan bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak lengkap berbanding dengan bahasa Inggeris. Ini telah menimbulkan tentangan daripada pejuang-pejuang bahasa, bagi mereka pejuang bahasa adalah perjuangan politik. Zaman telah mengambil contoh terhadap polisi penjajah Inggeris yang mempromosikan bahasa Inggeris ke tanah jajahannya. Zaman mempertikaikan pandangan J.J. Graham dan menggesa kerajaan supaya bahasa kebangsaan mestilah dilaksanakan beransur-ansur dan membendung golongan pelampau yang mempertikaikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Di samping itu, sebagaimana Portugis dan Belanda di Melaka, Inggeris juga mengamalkan dasar memeras dan memonopoli perdagangan di Tanah Melayu. Ini mengakibatkan orang Melayu mundur dan ketinggalan dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Dalam bidang pendidikan, Inggeris menjalankan dasar yang bertujuan mengekalkan orang Melayu dengan pekerjaan tradisi mereka iaitu menjadi petani dan nelayan, dan membekalkan pekerja kolar putih dalam perkhidmatan awam sebagai pegawai rendah dan menengah serta sektor perniagaan. Untuk tujuan dan keperluan itu Inggeris tidak menyediakan kemudahan pendidikan kepada orang Melayu. Menurut R.J.Wilkinson, tokoh pentadbir penjajah dan dikenali sebagai salah seorang pengkaji masyarakat dan budaya Melayu yang prolifik pada zaman penjajahan British. Beliau yang berpendidikan *Trinity College, Cambridge* mula berkhidmat di Pejabat Pentadbiran Negeri-negeri Selat pada tahun 1889 dan terus bekerja di Tanah Melayu selama 25 tahun. Jawatan terakhirnya ialah pegawai tadbir kerajaan Negeri-Negeri selat dan Negeri-Negeri Melayu, iaitu satu jawatan yang cukup tinggi dalam struktur pentadbiran penjajah di Tanah Melayu (Kamaruddin Mohd Said, 2005: 164).

Menurut Ramli Isin (1997: 87), satu hal yang cukup ketara dalam bidang

pendidikan masyarakat bumiputra atau Melayu pada masa itu ialah tidak terdapatnya kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran, baik dari segi alat-alatan mahupun bangunan sekolah itu sendiri. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris langsung tidak dipekenalkan di sekolah-sekolah Melayu kecuali di sebuah dua buah sekolah di bandar-bandar. Keadaan seperti ini seolah-olah memang sengaja dirancangkan oleh pihak Inggeris. Kerajaan Inggeris yang memerintah Tanah Melayu sehingga tahun 1957 itu tidak mahu melihat masyarakat Melayu menjadi pandai kerana khuatir akan menggugat kemantapan politik mereka. Memadailah masyarakat dan bangsa Melayu mendapat pengajaran dan pembelajaran setakat darjah empat, lima dan enam. Cukuplah setakat mereka boleh membaca, menulis dan mengira pada peringkat yang rendah atau sederhana.

Penajah Inggeris pada masa memang sengaja tidak mendirikan sekolah-sekolah menengah Melayu bagi anak-anak bumiputra yang mengikuti persekolahan aliran Melayu. Mereka hanya mendapat pendidikan formal paling tinggi sehingga darjah enam atau darjah tujuh. Hal ini dilakukan semata-mata untuk menjaga kepentingan keadaan dan suasana politik serta pemerintahannya di Tanah Melayu (Awang Had Salleh, 1974 : 149). Bagi mereka yang bernasib baik setelah menamatkan pelajaran hingga darjah enam atau darjah tujuh itu akan dilantik menjawat jawatan guru pelatih untuk mengajar anak-anak masyarakat dan bangsanya. Sedangkan yang lain-lain akan mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka seperti menjadi anggota pasukan keselamatan, pengantar surat dan sebagainya. Dengan kata lain mereka dididik demi untuk memenuhi matlamat penjajah Inggeris. Malah sehingga Tanah Melayu sudah mencapai kemerdekaan pun, pendidikan di kawasan luar bandar terus diabaikan. Che'gu Kasim dalam *Menduga Lautan Dalam*, merupakan guru lulusan Maktab Tanjung Malim sudah 30 tahun ditempatkan di sekolah kampong yang tidak diperdulikan langsung oleh pihak kementerian;

Che' Gu Kasim tak marah dengan Malik. Dia marah dengan nasib bangsa kita. Dia marah kerana sa-telah bertahun merdeka, sekolahnya maseh burok lagi, guru2-nya maseh belum dapat layanan yang baik, murid2-nya maseh berpakaian chompang champing.”“...ini-lah sekolah patek yang indah....(hal: 76)

Sekolah itu kosong dan S.mahmud merasa seperti dia telah kenal betul dengan sekolah itu. Dia telah melawat beratus buah sekolah seperti itu. Dia telah melawat beratus buah sekolah seperti ini samenjak dia mengajar di-Johor hingga-lah dia menjadi Penolong Nazir membawa-lah masa ini; sekolah biasa di-kampong; bangku tak kecukupan, kapor tak kechukupan, guru2 tak terlateh, pendek-nya alatan dan kelengkapan serba kekurangan. (*Menduga Lautan Dalam*, 1968: 139)

Walau bagaimanapun, Che'gu Kassim orang yang sudah teruji dalam perjuangan, yang mula bergerak dalam Sahabat Pena dalam tahun 1934 dahulu, hingga kepada Kesatuan Melayu Muda dan zaman Kongres Kebangsaan Melayu di Sultan Sulaiman Kelab hingga zaman perjuangan meruntuhkan Malayan Union kepada perjuangan kemerdekaan tidak mendatangkan kelunturan kepada beliau dalam usaha memberi pendidikan kepada masyarakat luar bandar.

Justeru itu, ketika R.J. Wilkinson mula memegang jawatan pegawai penyelia sekolah-sekolah di negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1904, beliau mencadangkan penubuhan sebuah sekolah berasrama penuh sebagai tempat mendidik anak-anak bangsawan Melayu. Bagaimanapun pada umumnya cita-cita untuk menubuhkan sebuah sekolah pusat berasrama penuh bertujuan untuk melahirkan calon-calon pegawai awam Melayu ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Rasiden General, W.H.Treacher, dan suatu persidangan Residen-residen “menyatakan persetujuan bulat mereka pada cadangan yang terkandung di dalam surat nazir itu.” Treacher yang telah menunjukkan simpatinya yang khusus kepada pelajaran orang Melayu sewaktu menjadi Residen Selangor dalam tahun-tahun 1890-an, percaya bahawa “Sekolah Berasrama Penuh Melayu” (*Malay Residential School*) itu sebagai anak kunci zaman baru dalam sejarah kemajuan orang Melayu (Roff, 2003: 109). Dengan kata lain, idea itu dikemukakan dalam kaitannya dengan berkuasanya dasar baru British untuk melahirkan pegawai rendah di kalangan anak Melayu supaya dapat membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan British ke Tanah Melayu. Dasar baru ini juga bertujuan memperlihatkan bahawa kerajaan British benar-benar ingin melihat orang Melayu dalam bidang pentadbiran moden.

Idea Wilkinson itu telah menjadi kenyataan kerana pada tahun 1905 Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) telah ditubuhkan. Penubuhan MCKK ini telah dianggap oleh pegawai penjajah sebagai bukan sahaja akan berjaya memperkenalkan pendidikan moden kepada anak-anak lelaki keluarga diraja dan bangsawan, bahkan juga berjaya mendidik mereka dalam suasana yang hampir serupa dengan persekitaran *public school* di England. Kejayaan pelajar MMKK mengikuti pendidikan moden berbahasa Inggeris itu mewujudkan skim latihan perjawatan awam untuk para lulusannya. Skim ini bertujuan melahirkan perkhidmatan tadbir Melayu untuk membantu pegawai kolonial. Lima belas tahun kemudian, skim perkhidmatan tadbir itu menjadi kebanggaan pentadbiran pemerintahan kolonial di Tanah Melayu (Roff, 2003: 118). Keadaan ini telah membawa perubahan perkembangan intelektualisme orang Melayu. Dalam *Kail Panjang Sejengkal*, Alimin digambarkan seorang anak Melayu dari luar bandar yang telah berjaya berlajar di England dan balik akhirnya menjadi seorang peguam yang terkenal dan sama-sama pejuang bahasa telah memprotes kerajaan kerana tidak tegas terhadap pelaksanaan Artikel 152 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967. Mereka menuduh UMNO dan para pemimpinnya telah mengkhianati bangsa Melayu kerana tidak tegas dalam mendaulatkan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam perlumbagaan.

“Dia daripada keluarga miskin, dann belajar atas biasiswa kerajaan, bergantung kepada elauannya untuk hidu dan untuk belajar. Kalau dia gagal, terpaksalah dia pulang. Keluarganya takkan mampu membaiayai pengajiannya. Malah selama di London pun, keluarganya tidak dapat membantu”.....“Alimin hanya ingin menjadi seorang peguam bila pulang ke tanahair kelak, seorang peguam yang baik, yang cekap...”(hal 89)

“Setelah Alimin berhenti daripada perkhidmatan kerajaan dan bekerja

dengan Mason, Drew & Pillay, ambisinya makin besar.”

“Alimin tidak hanya puas menjadi peguam. Dia berniaga dan berdagang, membeli tanah, kemudian menjualnya, membeli rumah dan menyewakannya, dan teman-teman, makin ramai. Pengurus-pengurus bank, kalangan saudagar-saudagar dan tokoh-tokoh politik. Dia berada di mana-mana dan kakinya berpijak di pelbagai dunia.” (*Kail Panjang Sejengkal*, 1994: 192)

Kelompok elit Melayu berpendapat bahawa pelaksanaan Artikel 152 mestilah dilihat dari sudut politik, undang-undang dan sikap pemodal asing. Para pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan bahagian menyokong pemimpin UMNO menangani masalah dan isu bahasa kebangsaan kerana telah menjadi dasar pemimpin cawangan dan bahagian sentiasa menyokong pemimpin demi perpaduan UMNO sebagai sebuah parti politik UMNO. Bagi orang Inggeris, perombakan semula pemasatan pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pengambilan semula negeri-negeri di dalamnya merupakan ciri dalam pemerintahan Inggeris dalam tahun-tahun permulaannya dahulu sebenarnya suatu usaha untuk memenuhi keperluan kewangan, pentadbiran dan perlembagaan. Hal ini berlaku sebagaimana halnya dengan persekutuan itu sendiri suku abad sebelumnya. Kemelesetan sesudah perang dalam bentuk turunnya harga barang-barang dagangan dan kurangnya beras dunia menyebabkan timbulnya krisis kewangan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Keadaan ini menyebabkan perlu dicari sebab-sebab berlebihannya modal dan dipusatatkannya pentadbiran yang timbul serentak dengan melambung tingginya harga getah dalam tempoh sepuluh tahun terdahulunya.

Keadaan ekonomi yang meruncing sedemikian rupa menyebabkan bertambahnya kesedaran dan ketegasan orang Melayu yang didorong oleh perdebatan tentang rombakan pemasatan pentadbiran, tekanan-tekanan ekonomi, dan yang terpenting pelanggaran asing yang sedia dan mencengkam hak-hak orang Melayu haruslah dijadikan latar belakang bagi melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh sepuluh tahun sebelum pecahnya perang. Di antara tahun 1934 dengan 1941, menurut William Roff (2003: 235) tiga percubaan telah dijalankan oleh orang Melayu untuk melahirkan pertubuhan yang meliputi seluruh Malaya secara besar-besaran supaya boleh mempersiapkan mereka sebagai suatu bangsa yang menguruskan hal ehwal mereka dalam pemerintahan negara sendiri.

Dalam hal ini, pemerintah boleh bertukar ganti sama ada melalui keturunan, pilihanraya, perebutan kuasa, revolusi dan sebagainya. Setiap pemerintah bebeza menurut kekuatan dan autonomi relatif yang mereka miliki tertakluk kepada kepentingan yang tersendiri, iaitu menurut Marx kepentingan kelas dan menurut Weber kepentingan politik (Ghazali Mayudin, 2002: 259). Pemerintah menggunakan kuasa politik yang ada padanya untuk menjalankan pentadbiran Negara dengan bantuan institusi pemerintahan yang lain. Walaupun pemerintah memiliki autonomi realtif dalam hubungan kepimpinanannya dengan masyarakat, selalunya berbagai-bagai konsesi ekonomi ditawarkan kepada kelas yang tertindas sehingga mereka terpisah antara satu sama lain tidak lagi bersatu menentang kelas yang dominan.

Menurut Gramsci, bagi pemerintah yang mempunyai hegemoni yang kuat maka kuasa dapat menjamin tumpuk pemerintahannya terus berlangsung. Wacana dan proses kuasa dan pengetahuan terus sahaja berlaku dengan diperteguhkan dengan dua bentuk hegemoni. Kesannya, akan menghasilkan sesuatu yang kuat dan unggul, walaupun dalam konteks mana-mana dunia politik bahawa sesuatu yang kuat dan unggul itu tidak semestinya suatu bentuk nilai yang murni dalam kehidupan masyarakat. Penjajahan kolonialisme ke atas Tanah Melayu sebelum perang yang menyentuh hak keistimewaan kuasa raja-raja Melayu telah membawa pembentukan semangat nasionalisme yang tinggi menentang penjajahan sehingga menuntut kemerdekaan tanah air. Dengan kata lain, sepanjang pemerintahan British di Tanah Melayu, selama hampir dua abad, suatu himpunan ilmu kolonial mengenai orang Melayu dan kaum peribumi selainnya telah berjaya dikumpulkan oleh penjajah. Ilmu itu bukan sahaja berjaya memerihalkan dengan terperinci segala aspek kehidupan sosial semua kelompok sosial peribumi bahkan juga mampu mengumpul pelbagai maklumat serta ilmu mengenai alam sekitar fizikal tempat-tempat kelompok-kelompok ini bermastautin. Ini bererti ilmu kolonial yang terhimpun tidak hanya bersifat suatu koleksi naratif, ia juga mengandungi analisis sosial yang bersifat akademik dan popular tentang masyarakat peribumi. Dalam pada itu, penguasaan intelektualisme terhadap negara jajahan ini merupakan usaha berterusan kolonialisme untuk mengekalkan hegemoni penjajahannya.

### Kesimpulan

Perbincangan ini dapat memperjelaskan penguasaan intelektualisme Melayu mempengaruhi tatalaku penghidupan dalam masyarakat mengikut zaman. A.Samad Ismail memaparkan golongan para wartawan yang terkelompok sebagai manusia intelektual dalam novel-novelnya *Timbok Tidak Tinggi, Patah Sayang Terbang Jua dan Kail Panjang Sejengkal*. Mereka ini mempunyai peranan dalam perjuangan kemerdekaan tanahair. Namun demikian, pihak elit, kelas menengah dan rakyat bawahan meskipun cuma sebahagian kecil akan tetapi mendominasi terhadap penentangan penjajahan. Ini menyamai golongan intelektual yang dianggap oleh Gramsci (1971) sebagai pembantu kepada kelompok dominan sama ada di kota dan desa bagi melakukan hegemoni. Golongan intelektual dikatakan mempunyai fungsi-fungsi subaltern dalam konteks hegemoni sosial dan pemerintahan sesuatu negara bangsa. Menurut Gramsci, bagi pemerintah yang mempunyai hegemoni yang kuat maka kuasa dapat menjamin tumpuk pemerintahannya terus berlangsung. Wacana dan proses kuasa dan pengetahuan terus sahaja berlaku dengan diperteguhkan dengan dua bentuk hegemoni. Kesannya, akan menghasilkan sesuatu yang kuat dan unggul, walaupun dalam konteks mana-mana dunia politik bahawa sesuatu yang kuat dan unggul itu tidak semestinya suatu bentuk nilai yang murni dalam kehidupan masyarakat. Penjajahan kolonialisme ke atas Tanah Melayu sebelum perang yang menyentuh hak keistimewaan kuasa raja-raja Melayu telah membawa pembentukan semangat nasionalisme yang tinggi menentang penjajahan sehingga menuntut kemerdekaan

tanah air. Dengan kata lain, sepanjang pemerintahan British di Tanah Melayu, selama hampir dua abad, suatu himpunan ilmu kolonial mengenai orang Melayu dan kaum peribumi selainnya telah berjaya dikumpulkan oleh penjajah. Dalam pada itu, penguasaan intelektualisme terhadap negara jajahan ini merupakan usaha berterusan kolonialisme untuk mengekalkan hegemoni penjajahannya.

### Rujukan

- A. Samad Ismail. 1995. *Menimba Yang Jernih*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- A. Samad Ismail. 1994. *Tembok Tidak Tinggi*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- A. Samad Ismail. 1993. *Patah Sayap Terbang Jua*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- A. Samad Ismail. 1993. *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. i
- A. Samad Ismail. 1968. *Menduga Lautan Dalam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Gramsci, Antonio. 1971. *Prison Notebooks*. London: Lawrence And Wishart.
- Faruk.H.T. 1994. *Pengantar Sosiologi Sastera*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ghazali Mahyuddin. 1978. *Johor Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goldmann, Lucien. 1975. *Towards a Sociology of the Novel*. London: Tavistok Publication.
- Goldmann, Lucien. 1977. *The Hidden God*. London: Routledge and Kegan Paul
- Goldmann, Lucien. 1980. *Essay on Method in the Sociology Literature*. St. Louis: Telos Press.
- G. Duncan Mitchell. 1982. *Sosiologi Pengkajian Sistem Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Gottschalk,L. 1969. *Understanding History : A Primer of Historical Method*. New York: A.A.Koopf
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya. 2005. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nidzam Sulaiman. 2005. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said, Edward.1979. Orientalisme. New York: Vintage Books.
- Rahimah Abd.Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail. 2000. *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. 1997. *Novel Melayu Mutakhir*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Roff, William R. 2003. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zainal Kling. 2005. “Situasi Pascakolonialisme”. dlm. Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.